



جاتن فند يد يقن خاص

JABATAN PENDIDIKAN KHAS  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



# BUKU KURIKULUM PENDIDIKAN KHAS

RENDAH

DISEDIAKAN OLEH:

JABATAN PENDIDIKAN KHAS, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Anak Adalah Anugerah  
Every Child IS A Gift



جاتن قندیدین خاص

JABATAN PENDIDIKAN KHAS  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



# BUKU KURIKULUM PENDIDIKAN KHAS

RENDAH



DISEDIAKAN OLEH:

JABATAN PENDIDIKAN KHAS, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Cetakan Pertama 2022

Diterbitkan oleh  
Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan  
Simpang 240, Kg Pintu Malim, Jalan Kota Batu BA2711  
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Tel.: +673 2446553 Faks.: +673 2446551  
Emel: [jpkhas@moe.gov.bn](mailto:jpkhas@moe.gov.bn)

© Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas), Kementerian Pendidikan 2022

---

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran daripada Pengarah Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam terlebih dahulu.

# *Perutusan*

## *Yang Berhormat Menteri Pendidikan*

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjangkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas izin dan limpah kurniaNya juga, Buku Kurikulum Pendidikan Khas (Rendah) khusus bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas telah berjaya dihasilkan. Kelahiran buku kurikulum ini bertepatan evolusi semasa dalam lanskap pendidikan khas di peringkat serantau dan global. Dalam era Revolusi Perindustrian Keempat, penglibatan masyarakat yang inklusif semakin mengentengahkan lagi kepentingan pendidikan inklusif, berkualiti dan saksama sepertimana yang ditekankan dalam *Sustainable Development Goals 4* UNESCO.

Peta strategi pendidikan negara menekankan kepada pendidikan holistik bagi melentur potensi pelajar yang maksima. Ini membawa perhatian kepada pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih relevan dan lestari bagi semua kebolehan pelajar apatah lagi dengan anjakan paradigma yang dibawa Revolusi Perindustrian 4.0 yang melibatkan peralihan corak pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan dalam talian dan *blended mode*. Dalam hubungan ini, JPKhas perlu memanfaatkan peluang dan ruang yang sedia ada untuk mengukuhkan, mempercepatkan dan meningkatkan keupayaan guru-guru pendidikan khas.

Saya penuh berharap buku kurikulum ini akan dapat membantu guru-guru terutamanya guru-guru pendidikan khas dalam membimbing dan membina keupayaan pelajar-pelajar berkeperluan khas untuk mencapai kapasiti optima mereka sendiri melalui penyampaian program pendidikan khas yang berkualiti tinggi. Dalam pada itu, saya yakin kandungan buku ini akan ke arah memastikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berstruktur dan pada masa yang sama memperkasa tenaga pengajar dalam mengolah kaedah pengajaran yang menepati keperluan pelajar-pelajar pendidikan khas. Ini akan mendokong ke arah merealisasikan hasrat membentuk pelajar pendidikan khas yang mandiri dan memenuhi kapasiti mereka dengan optima.

Di kesempatan ini, saya turut berdoa semoga Allah mengurniakan ganjaran yang setimpal di atas sumbangan tenaga dan kepakaran untuk menyempurnakan buku Kurikulum Pendidikan Khas (Rendah) ini sebagai satu lagi langkah utama dalam mananai pelajar-pelajar berkeperluan khas agar memiliki peluang yang lebih luas untuk berjaya. Syabas!

*Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman*

**Menteri Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam**

# *Perutusan*

## *Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)*

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izinNya juga kita sama-sama dapat melihat penerbitan buku Kurikulum Pendidikan Khas yang julung kalinya diterbitkan. Penghasilan buku ini mengemaskin lagi penyampaian kurikulum pendidikan khas untuk pelajar-pelajar berkeperluan khas.

Peredaran masa yang membawa bersamanya ruang dan bidang baru untuk diterokai turut menekankan kepentingan agar masyarakat bersikap pragmatik untuk memastikan setiap peringkat dalam komuniti secara inklusif dapat terus relevan dengan keadaan masakini. Ini selanjutnya menekankan keperluan pendekatan yang lebih komprehensif dan inovatif dalam Pendidikan Khas. Dalam pada itu, penerbitan buku ini merupakan satu pencapaian penting ke arah memastikan pendidikan inklusif yang berjaya kerana penerapan penilaian berasaskan kemahiran (*skills based*) dan pedagogi yang kreatif dan inovatif yang terkandung dalam buku ini adalah penting dalam melahirkan pelajar-pelajar berkeperluan khas yang dapat menyumbang kepada kejayaan diri sendiri dan keluarga tanpa bergantung kepada bantuan pihak-pihak berkepentingan. Saya yakin langkah untuk memastikan usaha membentuk pelajar-pelajar berkeperluan khas akan terus diorak dan pihak Jabatan Pendidikan Khas akan meneruskan kesinambungan buku ini dengan program perkembangan profesional yang berkaitan bagi memantapkan lagi kapasiti para guru pendidikan khas.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Pendidikan Khas di atas ungkayah ini dan juga penghargaan kepada Jabatan/ Bahagian serta pihak-pihak berkepentingan dalam pendidikan khas yang menyumbang ke arah penghasilan Buku Kurikulum Pendidikan Khas ini. Dedikasi dan kerja keras yang dicurahkan dalam menerbitkan buku kurikulum ini setentunya akan dapat meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar berkeperluan khas dari peringkat rendah hingga ke peringkat menengah, Insya Allah.

*Yang Mulia Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin*

**Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)**  
**Kementerian Pendidikan**  
**Negara Brunei Darussalam**

***Prakata***  
***Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas***  
***Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan***  
***Selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Kurikulum Pendidikan Khas***

Bismillah hirrahman nirrahim. Alhamdulillahirabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Ashrafil Anbiya-I-Wal Mursalin, Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'iin.

Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas), Kementerian Pendidikan sangat komited dalam perlaksanaan sistem Pendidikan Khas yang berkualiti tinggi. Atas dasar ini, JPKhas sentiasa menyokong dan mendokong pelbagai inisiatif yang menyumbang kepada peningkatan kualiti program Pendidikan khas dan perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas. Pembinaan Kurikulum Pendidikan Khas khusus bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas dibina secara komprehensif dengan merentasi pelbagai bidang dan kemahiran bagi memastikan pelajar-pelajar berkeperluan khas dapat meningkatkan kemahiran-kemahiran tertentu dan amat berguna bagi meningkatkan kualiti hidup pelajar itu sendiri setelah tamat persekolahan dan menjadi individu dewasa yang berdikari dan berupaya menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan negara.

Dengan penyediaan Buku Kurikulum Pendidikan Khas diharap akan dapat membantu guru-guru Pendidikan khas, pemimpin sekolah dan semua warga pendidikan untuk bekerjasama dalam mengembangkan kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan pedagogi dan penilaian yang lebih berkesan dan sistematik. Ianya juga diharapkan akan dapat memberi guru-guru panduan dan sokongan yang lebih jelas tentang tatacara dalam mengembangkan kemahiran-kemahiran yang perlu ada bagi setiap pelajar berkeperluan khas selaras dengan Rancangan Pendidikan Individu (RPI).

Sekalung tahniah dan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak berkenaan yang terlibat dalam penerbitan buku ini. Buku kurikulum Pendidikan Khas ini tidak akan berhasil tanpa sokongan dan komitmen pelbagai pihak antaranya, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Jabatan Sekolah-Sekolah, Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kebangsaan, Jabatan Kenaziran, Institusi-Institusi Teknikal dan Vokasional, Pusat Pembangunan Belia, Pusat Bahagia dalam merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan kualiti program dan perkhidmatan Pendidikan khas. In Shaa Allah, kerjasama berterusan ini akan dapat menjana budaya kerja yang kreatif dan inovatif dalam usaha untuk mempersiapkan pelajar-pelajar berkeperluan khas secara holistik seperti yang dihasratkan.

***Yang Mulia Eddy Fazlin bin Haji Amdan***

**Pmk Ketua Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Khas  
Kementerian Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam**

# *Penghargaan*

## ***Pengerusi***

*Awang Eddy Fazlin bin Hj Amdan  
Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Khas*

## ***Timbalan Pengerusi***

*Dayang Dr Hjh Mustazah binti Awang Maidin  
Pemangku Timbalan Ketua Unit Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Khas*

*Awang Ali Hamdani bin Hj Muhammad Diah  
Pemangku Pengarah Jabatan Perkembangan Kurikulum*

*Awang Zainal Abidin bin Hj Kepli  
Pemangku Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah*

*Awang Hj Shamshol bin Hj Omar  
Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama*

## ***Konsultan***

*Professor Hasnah Toran  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

***Pengesahan Dalam***  
*Awang Salim bin Hj Puteh  
Bahagian Pengurusan Pendidikan Khas, JPKhas*

*Dayang Hjh Nor Amy Hamimah binti Matamit  
Bahagian Perkhidmatan Pelajar Berkeperluan Khas, JPKhas*

*Dayang Siti Zaleha binti Hj Abdi Manaf  
Unit Sokongan Pembelajaran (Rendah dan Menengah), JPKhas*

*Dayang Halifah binti Idris  
Unit Pengurusan Data, JPKhas*

*Dayang Dr Nor Irlenwati binti Hj Ismail  
Perkhidmatan Psikologi Pendidikan, JPKhas*

*Dayang Aurelia Escoto-Kemp  
Perkhidmatan Psikologi Pendidikan, JPKhas*

*Dayang Dr Siti Rafizah binti Hj Badar  
Perkhidmatan Permuliahan Pertuturan dan Percakapan, JPKhas*

*Dayang Ruzanna binti Omar  
Perkhidmatan Pemuliahan Cara Kerja, JPKhas*

**AHLI JAWATANKUASA KERJA**

*Ampuan Hjh Liliharyani binti Ampuan Hj Salleh  
**Ketua Unit Kurikulum, JPKhas***

*Dayang Hjh Norazyyati @ Hartini binti Hj Muhammad Taha  
**Kurikulum Rendah, JPKhas***

*Dayang Majidah binti Hj Muhidin  
Dayang Rose Rafidahwati binti Hj Mohd Tamit  
**Setiausaha Bersama, JPKhas***

*Dayang Ruzanna binti Omar  
**Penasihat Domain Motor***

*Dayang Majidah binti Hj Muhidin  
**Ketua Domain Motor Kasar, JPKhas***

*Awang Mohammad Yusri bin Sulaimanm – JPKhas  
Dayang Hjh Raudhah binti Hj Metusin – JPKhas (Bersara)  
Dayang Rini binti Mohd Sazali - SR Sultan Hassan, Bangar (K1)  
Dayang Nur Atiqah binti Hj Mohammad - SR Dato Hj Md Yassin Mentiri (K4)  
Dayang Teo Lee Lee - SR PKN Bukit Beruang (K5)  
Dayang Hjh Harifah Halijah binti Hj Awang Ismail - SR PSJ Pg Abd Momin, Pandan (K6)*

*Dayang Kamaliah binti Hj Abdullah*  
**Ketua Domain Motor Halus, JPKhas**

*Dayang Zarina @ Nur 'Asyiqin binti Hj Shamsuddin - JPKhas*

*Dayang Norahdianah binti Hj Mahadi - JPKhas*

*Dayang Siti Zuraini binti Haji Mohd Sani - SR Datu Ratna Hj Md Jaafar, Kiarong (K1)*

*Dayang Norliza binti Hj Zaini - SR Pantai Berakas (K3)*

*Dayang Norkhairunnisa binti Ali Rahman - SR PSJ Pg Abd Momin, Pandan (K6)*

*Dayang Siti Aqilah binti Muhamad*  
**Ketua Domain Urus Diri, JPKhas**

*Dayang Josnani binti Damong Hj Omarali - JPKhas*

*Dayang Hjh Rudiana binti Hj Zaini - SR AHMY Katimahar (K2)*

*Dayang Yusrinah Hj Abd Tahir - SR Dato Marsal (K3)*

*Dayang Nur Fatin Aqillah binti Hj Md Yussof - SR Kapok (K4)*

*Dayang Siti Armah Haliza binti Ahmad - SR Muhammad Alam (K6)*

*Dayang Hjh Norlela binti Hj Abdullah - SR PSJ ABD Momin, Pandan (K6)*

*Dayang Rose Rafidahwati binti Hj Mohd Tamit*  
**Ketua Domain Kesediaan Belajar, JPKhas**

*Dayang Hjh Maimon binti Lamat - JPKhas*

*Dayang Hjh Norazimah binti Abdullah - JPKhas (Bersara)*

*Dayang Hjh Junaidah binti Haji Suhaili - SR Rimba II (K3) (Bersara)*

*Dayang Masdalina binti Embran - SR Katok B (K1)*

*Dayang Dr Nurafizzah binti Md Khairun Nizam - SR Dato Marsal (K3)*

*Dayang Fadzillah binti Zulkipli - SR Dato Basir (K3)*

*Dayang Hjh Ratnawati binti Hj Mohammad - SR Keriam (K5)*

*Dayang Hjh Norazyyati @ Hartini binti Hj Muhammad Taha*  
**Ketua Subdomain Asas Akademik, JPKhas**

*Dayang Lim Yee Vei*  
**Ketua Subdomain Pra Akademik, JPKhas**

*Dyg Hjh Zaiton @ Tialam binti Abdul Razak - JPKhas (Bersara)*  
*Pengiran Zainab binti Pengiran Hashim - JPKhas (Bersara)*  
*Dayang Masrahayu @ Adibah binti Hj Masri - SR Lambak Kanan Jln 49 (K3)*  
*Dayang Mahrinah binti Riba - SR PKN Bukit Beruang (K5)*  
*Dayang Nurkhalisa binti Abdullah Lawan - SR PKN Bukit Beruang (K5)*

*Dayang Hjh Siti Noraminah binti Hj Abdul Lamin*  
**Ketua Subdomain Membaca, JPKhas**

*Dayang Rina Zalinah binti Razalli - JPKhas*  
*Awang Mohd Ilham bin Abdullah Chuat - SR Datu Mahawangsa Lambak (K2)*  
*Dayang Hjh Saharah binti Abdul Rahman - SR Keriam (K5)*

*Dayangku Siti Salamah @ Mazdina binti Pengiran Hj Abidin*  
**Ketua Subdomain Mengira, JPKhas**

*Dayang Ang Le Woon @ June - SR Rimba II (K4)*  
*Dayang Norulfazidah binti Hj Bidin - SR Kapok (K4)*  
*Dayang Hjh Norhayati binti Hj Md Sofian - SR PSN Lorong 3 (K6)*

*Dayang Hjh Norazyyati @ Hartini binti Hj Muhammad Taha*  
**Ketua Subdomain Asas Menulis, JPKhas**

*Dayang Norashikin binti Hj Sharbawi - JPKhas*  
*Dayang Masnah binti Galawat - SR Sultan Hassan, Bangar (K1)*  
*Dayang Hjh Sa'adiah binti Hj Suhaili - SR Bukit Udal (K5)*

*Dayang Nurhidafaizah binti Hj Tompal - JSS  
Ampuan Hjh Lilimaryani binti Ampuan Hj Salleh  
**Ketua Domain Sosio Emosi, JPKhas***

*Pengiran Salimatul Sa'ada binti Pengiran Mohd Saleh - JPKhas  
Dayang Nurul Syukriah binti Mohamad - SR Mabohai (K2)  
Dayang Hjh Norain binti Hj Momin - SR Lambak Kanan Jln 49 (K3)  
Dayang Rashidah binti Hj Hazipin - SR PKN Bukit Beruang (K5)  
Dayang Maryati binti Tapa - SR PSJ Pg Abd Momin, Pandan (K6)  
Dayang Shalha binti Awang Madnoor - SR Dato Mohd Yassin (K4)  
Dayang Suzinah binti Dzulkifli - SR Datu Mahawangsa Lambak (K2)*

*Dayang Dr Siti Rafizah binti Hj Badar  
**Ketua Domain Komunikasi Sosial, JPKhas***

*Pengiran Nurhaziqah Azmina binti Pengiran Sahminan - JPKhas  
Dayang Halimah binti Hj Asmat – SM Menglait (K3)  
Dayang Zaiton binti Hj Abd Rahman - SR Kg Perpindahan Lambak Kanan Jalan 10 (K3)  
Dayang Hjh Rafeah binti Hj Hamdan - SR Anggerek Desa (K3) (Bersara)  
Dayang Halizah binti Aliakbar - SR Delima Satu (K3)  
Awang Johan bin Benson - SR Keriam (K5)  
Awang Sofian bin Marikan - SR Muda Hashim (K5)*

*Dayang Dr Hjh Nor Irlenwati binti Hj Ismail  
**Ketua Penilaian, JPKhas***

*Dayang Lim Yee Vei - JPKhas  
Dayang Rose Rafidahwati binti Hj Mohd Tamit – JPKhas  
Dayang Siti Zuraini binti Haji Mohd Sani - SR Datu Ratna Hj Md Jaafar, Kiarong (K1)  
Awang Mohd Ilham bin Abdullah Chuat - SR Sultan Hassan, Bangar (K1)  
Dayang Hjh Norain binti Hj Momin - SR Lambak Kanan Jln 49 (K3)  
Dayang Halizah binti Aliakbar - SR Delima Satu (K3)  
Dayang Siti Armah Haliza binti Ahmad - SR Muhammad Alam (K6)*

## PENGENALAN

Negara Brunei Darussalam telah mengamalkan Dasar Pendidikan Inklusif bermula pada tahun 1997. Usaha dalam memantapkan lagi sistem pendidikan inklusif di Negara ini, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas (JPKhas) berperanan untuk merancang dan melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan bantuan dan program pendidikan khas untuk memenuhi pelbagai keperluan khas pelajar. JPKhas juga bertanggungjawab untuk memperkembangkan pengetahuan serta kemahiran guru-guru di dalam bidang Pendidikan Khas melalui program *continues professional development* yang bersistematik dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan.

Salah satu cabaran yang dihadapi oleh pegawai-pegawai JPKhas dan guru-guru adalah mengenalpasti kurikulum yang bersesuaian untuk pelajar-pelajar berkeperluan khas seperti Autisme, Sindrom Down, Palsi Serebrum dan pelajar yang mempunyai pelbagai diagnosis (*Multiple Diagnosis*). Dengan adanya kurikulum yang bersesuaian dengan keperluan pelajar, ia diharapkan menjadi alat untuk mengukur kemajuan pelajar di sekolah. Ibu bapa juga boleh mendapatkan ide dan strategi dalam menangani anak-anak berkeperluan khas mereka di rumah.

Sehubungan itu, JPKhas telah menerbitkan sebuah buku garispandu pada tahun 2004 yang bertajuk '*Curriculum Guidelines for Students with High Support Needs*'. Pada tahun 2014, JPKhas juga telah merangka buku Garispandu Pakej Kurikulum bagi Pelajar-pelajar Berkeperluan Khas Tahap Tinggi dan projek rintis telah dijalankan ke beberapa buah sekolah. Dapatan hasil daripada projek rintis tersebut, majoriti guru-guru *Special Education Needs Assistance (SENA)*, bersetuju bahawa buku garispandu yang dirangka sangat berguna dan mudah untuk diaplikasikan dalam membantu pelajar-pelajar berkeperluan khas Tahap Tinggi. Selain itu, guru SENA juga berpendapat perisian kurikulum perlu dibuat penambahan pada perisian, objektif dan strategi pengajaran bagi buku Garispandu Pakej Kurikulum yang dirangka.

Pada tahun ini, JPKhas melalui Unit Kurikulum, Bahagian Pengurusan Pendidikan Khas telah mengemaskini dan membuat penambahan buku garispandu tersebut. Buku ini dikenali sebagai Buku Kurikulum Pendidikan Khas Rendah dan kesinambungannya, Buku Kurikulum Pendidikan Khas Program Pra-Vokasional akan diterbitkan pada tahun 2023. JPKhas berharap dengan adanya buku-buku ini akan saling melengkapi antara satu dengan yang lain bagi memastikan pelajar-pelajar berkeperluan khas mendapatkan kualiti pendidikan khas yang tinggi melalui domain-domain dan kemahiran-kemahiran yang diperoleh sepanjang proses pembelajaran di sekolah.

## **Matlamat Buku Kurikulum Pendidikan Khas**

Buku Kurikulum ini dihasilkan bagi:

1. Mempertingkatkan pengetahuan guru-guru cara menangani pelajar-pelajar berkeperluan khas berdasarkan kemahiran yang diperlukan. Ini adalah selaras dengan objektif Pelan Strategik Kementerian Pendidikan: "*No. 2. Provide equal and equitable access to higher learning for opportunities to quality education*". Buku ini akan dijadikan rujukan dan panduan agar dapat memberi peluang yang saksama atau *equal opportunities* mengikut keupayaan pelajar berkeperluan khas.
2. Dijadikan rujukan dan panduan bagi meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran agar dapat membantu pelajar-pelajar berkeperluan khas mencapai potensi pembelajaran mereka sepenuhnya dalam suasana persekolahan inkulsif, selaras dengan Sistem Pendidikan Abad ke 21 (SPN21).

## **Objektif Buku Kurikulum Pendidikan Khas**

Objektif Buku Kurikulum adalah untuk:

1. Menjadi sumber rujukan untuk guru-guru di sekolah.
2. Membantu pengguna untuk mengetahui tentang langkah-langkah sesuatu kerja yang ada dalam domain/ kemahiran berkenaan.
3. Pengayaan dan mempelbagaikan kemahiran.
4. Rujukan dan panduan ibu bapa di rumah.

## **Siapakah yang boleh menggunakan?**

Buku Kurikulum ini boleh digunakan kepada:

1. Pelajar-pelajar berkeperluan khas berumur 5-12 tahun (pelajar sekolah rendah).
2. Pelajar-pelajar berkeperluan khas menengah bawah.

Ia boleh digunakan oleh:

1. Warga sekolah (guru-guru subjek, guru-guru kelas, guru-guru SENA dan sebagainya).
2. Ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga.
3. Sesiapa sahaja yang membantu pelajar berkenaan.

## **Faedah penggunaan Buku Kurikulum Pendidikan Khas**

Faedah penggunaan Buku Kurikulum adalah bagi:

1. Memantapkan kemahiran pelajar berkenaan dengan mengetahui kekuatan dan kelemahannya terlebih dahulu.
2. Melahirkan pelajar yang positif.
3. Menggalakkan pelajar untuk berdikari.
4. Mendisiplinkan pelajar.
5. Membantu membina keyakinan diri pelajar.

## **Kepentingan Buku Kurikulum Pendidikan Khas**

Buku Kurikulum ini penting untuk:

1. Memperbaiki diri pelajar.
2. Menjadi lebih peka terhadap sesuatu dan bagaimana sesuatu kerja itu perlu dilakukan.
3. Berfikir, merasa dan memberi tindak balas.
4. Memahami diri sendiri, orang lain dan boleh membuat pilihan.
5. Kemahiran yang dipelajari dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.
6. Menyesuaikan diri dalam proses kedewasaan.

## Kerangka Kurikulum Pendidikan Khas



Domain-domain yang terkandung dalam pembangunan kurikulum peringkat rendah ialah Domain Asas Akademik, Domain Kesediaan Belajar, Domain Komunikasi Sosial, Domain Motor: Halus Dan Kasar, Domain Komunikasi Sosial, Domain Sosio Emosi dan Domain Urus Diri.

## **Domain Asas Akademik**

Tajuk-tajuk yang terkandung di dalam domain ini iaitu:

Pra-Akademik:            Tajuk A: Konsep  
                                  Tajuk B: Kategori  
                                  Tajuk C: Urutan

Membaca:                Tajuk A: Membaca kaedah fonik  
                                  Tajuk B: Membaca kaedah pandang sebut

Mengira (*Counting*):    *Topic A: Number sense till 20*  
                                  *Topic B: Addition within 20*  
                                  *Topic C: Subtraction within 20*  
                                  *Topic D: Money*  
                                  *Topic E: Time*  
                                  *Topic F: Shapes*

Menulis:                 Tajuk A: Menconteng  
                                  Tajuk B: Mewarna  
                                  Tajuk C: Menyurih  
                                  Tajuk D: Menyalin  
                                  Tajuk E: Menulis

## **Domain Kesediaan Belajar**

Maklumat untuk menentukan tahap perkembangan dan penguasaan pelajar-pelajar terutama di awal tahun persekolahan adalah penting bagi membantu guru-guru mengesan dan memberikan program pengajaran yang sesuai terutama untuk pelajar berkeperluan khas. Mengenal pasti tahap domain kesediaan pelajar boleh membantu guru-guru untuk mengenal tahap dan kecenderungan pelajar dalam pembelajaran untuk membantu pelajar belajar bersama-kawan-kawan sekelasnya. Ini juga membantu guru untuk menangani masalah yang bakal timbul dan melaksanakan kaedah-kaedah tertentu untuk mengatasi sekiranya ada masalah yang terjadi.

Terdapat 5 tajuk yang terkandung di dalam domain ini iaitu:

Tajuk A: Tingkah Laku  
Tajuk B: Patuh Arahan  
Tajuk C: Pendekatan Belajar Melalui Bermain  
Tajuk D: Latihan Ke Tandas  
Tajuk E: Menyiapkan Tugasan

## **Domain Komunikasi Sosial**

Komunikasi sosial merujuk kepada cara pelajar-pelajar berkomunikasi dalam situasi sosial. Pelajar-pelajar berkeperluan khas tahap tinggi yang kebanyakannya menghadapi kesukaran dalam komunikasi sosial. Domain ini adalah penting untuk membina hubungan sosial dengan masyarakat/ orang sekeliling/ komuniti. Ini juga penting secara akademik kerana banyak aktiviti berasaskan kurikulum bergantung kepada kerja berkumpulan dan komunikasi antara rakan sebaya.

Domain ini terbahagi kepada dua iaitu Komunikasi Sosial [Pelajar yang bukan Lisan (*Non-Verbal*)] dan Komunikasi Sosial [Pelajar yang Lisan (*Verbal*)]. Di dalam subdomain ini masing-masing mengandungi 5 tajuk yang terkandung di dalamnya iaitu:

Tajuk A: Meminta (*Requesting*)

Tajuk B: Memberi Komen (*Commenting*)

Tajuk C: Menjawab Soalan Mudah (*Answering Simple Questions*)

Tajuk D: Bertanya Soalan Mudah (*Asking Simple Questions*)

Tajuk E: Bercerita Semula (*Retelling Simple Stories*)

## **Domain Motor**

Domain motor terdiri dari motor kasar dan motor halus. Domain motor kasar melibatkan pergerakan. Hanya 1 tajuk yang terkandung di dalam domain ini iaitu Kemahiran Motor Kasar.

Manakala domain motor halus melibatkan penggunaan tangan dan memerlukan koordinasi mata dan tangan. Terdapat 3 tajuk yang terkandung di dalam domain ini iaitu:

Tajuk A: Mencapai dan menggenggam

Tajuk B: Koordinasi penggunaan kedua-dua belah tangan

Tajuk C: Pegangan pensel

## **Domain Sosio Emosi**

Domain Sosio Emosi adalah satu kemahiran yang menjadi cabaran bagi pelajar, ibu bapa dan guru-guru. Domain ini membantu pelajar mempelajari dan mempamerkan tingkah laku dalam norma yang diterima dalam kehidupan seharian. Ia juga akan dapat mengurangkan tingkah laku yang tidak diingini dalam diri pelajar.

Terdapat 3 tajuk yang terkandung di dalam domain ini iaitu:

Tajuk A: Kefahaman mengenai diri sendiri dan orang lain

Tajuk B: Berinteraksi

Tajuk C: Mengambil bahagian

### **Domain Urus Diri**

Domain urus diri bermatlamat melahirkan insan yang berdikari untuk menjalani aktiviti seharian. Ianya juga menyediakan pelajar untuk dapat menghadapi situasi sebenar, membiasakan pelajar mengamalkan kebersihan dan kesihatan yang baik untuk diri serta persekitaran. Dengan domain ini akan meningkatkan dan melahirkan sifat dan sikap yakin diri, kreatif, inovatif, inisiatif, produktif dan boleh berinteraksi dengan baik.

Terdapat 4 tajuk yang terkandung di dalam domain ini iaitu:

Tajuk A: Anggota badan

Tajuk B: Kebersihan diri

Tajuk C: Pakaian

Tajuk D: Makan dan minum

# ISIKANDUNGAN

PENGENALAN .....	X
DOMAIN: ASAS AKADEMIK .....	1
<b>PRA-AKADEMIK.....</b>	<b>2</b>
<b>TAJUK A: KONSEP.....</b>	<b>2</b>
<i>Matlamat 1: Kefahaman tentang konsep objek yang sama.....</i>	2
<i>Matlamat 2: Kefahaman konsep warna, bentuk dan saiz .....</i>	2
<i>Matlamat 3: Kefahaman terhadap konsep sifat dan kuantiti.....</i>	3
<i>Matlamat 4: Kefahaman konsep kata arah.....</i>	3
<i>Matlamat 5: Kefahaman konsep simbol/ gambar di sekeliling .....</i>	4
<i>Matlamat 6: Kesediaan membaca .....</i>	4
<b>TAJUK B: KATEGORI.....</b>	<b>5</b>
<i>Matlamat 1: Mengumpulkan objek, orang atau peristiwa mengikut urutan.....</i>	5
<b>TAJUK C: URUTAN.....</b>	<b>6</b>
<i>Matlamat 1: Mengikut dua atau lebih langkah arahan yang rutin.....</i>	6
 <b>MEMBACA .....</b>	 7
<b>TAJUK A: MEMBACA KAEDAH FONIK.....</b>	<b>7</b>
<i>Matlamat 1: Mengenal bunyi huruf vokal /a/, /i/ dan /u/ .....</i>	7
<i>Matlamat 2: Mengenal bunyi huruf konsonan /m/ dan suku kata kv: /ma/, /mi/, /mu/ .....</i>	7
<i>Matlamat 3: Mengenal bunyi huruf konsonan /s/ dan suku kata kv: /sa/, /si/, /su/ .....</i>	8
<i>Matlamat 4: Mengenal bunyi huruf konsonan /b/ dan suku kata kv: /ba/, /bi/, /bu/ .....</i>	8
<i>Matlamat 5: Mengenal bunyi huruf konsonan /c/ dan suku kata kv: /ca/, /ci/, /cu/.....</i>	9
<i>Matlamat 6: Mengenal bunyi huruf konsonan /k/ dan suku kata kv: /ka/, /ki/, /ku/.....</i>	10
<i>Matlamat 7: Mengenal bunyi huruf konsonan /t/ dan suku kata kv: /ta/, /ti/, /tu/ .....</i>	10
<i>Matlamat 8: Mengenal bunyi huruf konsonan /r/ dan suku kata kv: /ra/, /ri/, /ru/ .....</i>	11
<i>Matlamat 9: Mengenal bunyi huruf konsonan /d/ dan suku kata kv: /da/, /di/, /du/ .....</i>	11
<i>Matlamat 10: Mengenal bunyi huruf konsonan /l/ dan suku kata kv: /la/, /li/, /lu/ .....</i>	12
<i>Matlamat 11: Mengenal bunyi huruf konsonan /g/ dan suku kata kv: /ga/, /gi/, /gu/ .....</i>	13
<i>Matlamat 12: Mengenal bunyi huruf konsonan /n/ dan suku kata kv: /na/, /ni/, /nu/ .....</i>	13
<i>Matlamat 13: Mengenal bunyi huruf konsonan /p/ dan suku kata kv: /pa/, /pi/, /pu/ .....</i>	14
<i>Matlamat 14: Mengenal bunyi huruf konsonan /h/ dan suku kata kv: /ha/, /hi/, /hu/ .....</i>	14
<i>Matlamat 15: Mengenal bunyi huruf konsonan /j/ dan suku kata kv: /ja/, /ji/, /ju/ .....</i>	15
<i>Matlamat 16: Mengenal bunyi huruf konsonan /y/ dan suku kata kv: /ya/, /yi/, /yu/ .....</i>	16
<i>Matlamat 17: Mengenal bunyi huruf konsonan /f/ dan suku kata kv: /fa/, /fi/, /fu/ .....</i>	16
<i>Matlamat 18: Mengenal bunyi huruf konsonan /v/ dan suku kata kv: /va/, /vi/, /vu/ .....</i>	17
<i>Matlamat 19: Mengenal bunyi huruf konsonan /w/ dan suku kata kv: /wa/, /wi/, /wu/.....</i>	17
<i>Matlamat 20: Mengenal bunyi huruf konsonan /z/ dan suku kata kv: /za/, /zi/, /zu/.....</i>	18

<b>TAJUK B: MEMBACA KAEDAH PANDANG SEBUT .....</b>	<b>20</b>
<i>Matlamat 1: Membaca dan mengenal berdasarkan tema 'Diri Saya'.....</i>	20
<i>Matlamat 2: Membaca dan mengenal berdasarkan tema 'Keluarga Saya'.....</i>	20
<i>Matlamat 3: Membaca dan mengenal berdasarkan tema 'Rumah Saya'.....</i>	20
<i>Matlamat 4: Membaca dan mengenal berdasarkan tema 'Sekolah Saya'.....</i>	20
<i>Matlamat 5: Membaca dan mengenal berdasarkan tema 'Makanan dan Minuman Saya'.....</i>	21
<i>Matlamat 6: Membaca dan mengenal berdasarkan tema 'Pakaian Saya'.....</i>	21
<i>Matlamat 7: Membaca dan mengenal berdasarkan tema 'Kenderaan'.....</i>	21
<i>Matlamat 8: Boleh membaca dan mengenal berdasarkan tema 'Mainan Saya'.....</i>	21
<i>Matlamat 9: Membaca dan mengenal berdasarkan tema 'Haiwan'.....</i>	21
<i>Matlamat 10: Membaca dan mengenal berdasarkan tema 'Pekerjaan'.....</i>	22
<i>Matlamat 11: Membaca dan mengenal berdasarkan tema 'Tumbuh-tumbuhan'.....</i>	22
<b>MENGIRA (COUNTING).....</b>	<b>23</b>
<b>TOPIC A: NUMBER SENSE TILL 20 .....</b>	<b>23</b>
<i>Subtopic 1: Number 1-5.....</i>	23
<i>Subtopic 2: Number 6-10 .....</i>	25
<i>Subtopic 3: Number 1 – 10 .....</i>	26
<i>Subtopic 4: Number 1 – 15 .....</i>	27
<i>Subtopic 5: Number 16 – 20 .....</i>	29
<b>TOPIC B: ADDITION WITHIN 20 .....</b>	<b>30</b>
<i>Subtopic 1: Addition within 10 .....</i>	30
<i>Subtopic 2: Addition within 20 without regrouping .....</i>	30
<b>TOPIC C: SUBTRACTION WITHIN 20 .....</b>	<b>31</b>
<i>Subtopic 1: Subtraction within 5 .....</i>	31
<i>Subtopic 2: Subtraction within 10 .....</i>	31
<i>Subtopic 3: Subtraction up to 20 (without regrouping).....</i>	32
<b>TOPIC D: MONEY .....</b>	<b>32</b>
<i>Subtopic 1: Recognising Coins .....</i>	32
<b>TOPIC E: TIME .....</b>	<b>33</b>
<i>Subtopic 1: Digital time .....</i>	33
<i>Subtopic 2: Days of the week.....</i>	33
<i>Subtopic 3: Months of the year.....</i>	34
<b>TOPIC F: SHAPES .....</b>	<b>34</b>
<i>Subtopic 1: 2-D Shapes .....</i>	34
<b>MENULIS .....</b>	<b>36</b>
<b>TAJUK A: MENCONTENG .....</b>	<b>36</b>
<i>Matlamat 1: Menconteng secara bebas.....</i>	36
<i>Matlamat 2: Menconteng secara terkawal.....</i>	36
<b>TAJUK B: MEWARNA .....</b>	<b>37</b>
<i>Matlamat 1: Mewarna dalam garisan .....</i>	37
<i>Matlamat 2: Mewarna secara berpandu .....</i>	37

<b>TAJUK C: MENYURIH.....</b>	<b>38</b>
Matlamat 1: Menyurih garisan lurus dan lengkung.....	38
Matlamat 2: Menyurih bentuk, huruf dan nombor.....	39
<b>TAJUK D: MENYALIN .....</b>	<b>40</b>
Matlamat 1: Menyalin garisan lurus.....	40
Matlamat 2: Menyalin bentuk, huruf dan nombor .....	41
Matlamat 3: Menyalin nama sendiri .....	41
Matlamat 4: Menyalin nombor dari papan putih .....	42
Matlamat 5: Menyalin perkataan dalam lingkungan 4 huruf .....	42
<b>TAJUK E: MENULIS .....</b>	<b>43</b>
Matlamat 1: Menulis huruf .....	43
Matlamat 2: Menulis nombor 1 digit .....	43
Matlamat 3: Menulis nombor 2 digit .....	44
Matlamat 4: Menulis nama sendiri .....	44
Matlamat 5: Menulis perkataan dalam lingkungan 4 huruf .....	45
 DOMAIN: KESEDIAAN BELAJAR .....	 46
<b>TAJUK A: TINGKAH LAKU.....</b>	<b>47</b>
Matlamat 1: Memahami Ekspresi dan Emosi .....	47
Matlamat 2: Mengawal Emosi dan Ekspresi .....	47
Matlamat 3: Tingkah Laku .....	48
<b>TAJUK B: PATUH ARAHAN .....</b>	<b>49</b>
Matlamat 1: Melihat .....	49
Matlamat 2: Mendengar dan ikut arahan.....	50
Matlamat 3: Duduk diam .....	50
<b>TAJUK C: PENDEKATAN BELAJAR MELALUI BERMAIN .....</b>	<b>51</b>
Matlamat 1: Tindak balas kepada objek .....	51
Matlamat 2: Menggunakan objek untuk bermain .....	51
<b>TAJUK D: LATIHAN KE TANDAS .....</b>	<b>52</b>
Matlamat 1: Kenal simbol dan papan tanda tandas .....	52
Matlamat 2: Boleh memberitahu ke tandas apabila hendak buang air kecil atau air besar .....	52
Matlamat 3: Membersihkan diri.....	53
<b>TAJUK E: MENYIAPKAN TUGASAN .....</b>	<b>54</b>
Matlamat 1: Minat kepada aktiviti .....	54
Matlamat 2: Manipulasi pensel.....	54
Matlamat 3: Memulakan tugas .....	55
Matlamat 4: Menyiapkan tugas .....	55

<b>DOMAIN: KOMUNIKASI SOSIAL .....</b>	<b>56</b>
<b>KOMUNIKASI SOSIAL [PELAJAR YANG BUKAN LISAN (NON-VERBAL)] .....</b> 57	
<b>TAJUK A: MEMINTA (REQUESTING) .....</b>	<b>57</b>
Matlamat 1: Pelajar boleh meminta sesuatu (objek/ keperluan/ tindakan) sesuai dengan tahap kebolehannya. ....	57
<b>TAJUK B: MEMBERI KOMEN (COMMENTING) .....</b> 58	
Matlamat 1: Pelajar boleh memberi komen mengenai sesuatu (objek/ keperluan/ tindakan) sesuai dengan tahap kebolehannya. ....	58
<b>TAJUK C: MENJAWAB SOALAN MUDAH (ANSWERING SIMPLE QUESTIONS) .....</b> 59	
Matlamat 1: Pelajar boleh menjawab soalan mudah mengenai sesuatu (objek/ keperluan/ tindakan) sesuai dengan tahap kebolehannya. ....	59
<b>TAJUK D: BERTANYA SOALAN MUDAH (ASKING SIMPLE QUESTIONS) .....</b> 60	
Matlamat 1: Pelajar boleh bertanya soalan mudah mengenai sesuatu (objek/ keperluan/ tindakan) sesuai dengan tahap kebolehannya. ....	60
<b>TAJUK E: BERGERITA SEMULA (RETELLING SIMPLE STORIES) .....</b> 61	
Matlamat 1: Pelajar boleh bercerita semula mengikut tahap kebolehannya. ....	61
<b>KOMUNIKASI SOSIAL [PELAJAR YANG LISAN (VERBAL)] .....</b> 62	
<b>TAJUK A: MEMINTA (REQUESTING) .....</b> 62	
Matlamat 1: Pelajar boleh meminta sesuatu (objek/ keperluan/ tindakan) secara lisan sesuai dengan tahap kebolehannya. ....	62
<b>TAJUK B: MEMBERI KOMEN (COMMENTING) .....</b> 63	
Matlamat 1: Pelajar boleh memberi komen mengenai sesuatu (objek/ keperluan/ tindakan) sesuai dengan tahap kebolehannya. ....	63
<b>TAJUK C: MENJAWAB SOALAN MUDAH (ANSWERING SIMPLE QUESTIONS) .....</b> 64	
Matlamat 1: Pelajar boleh menjawab soalan mudah mengenai sesuatu (objek/ keperluan/ tindakan) sesuai dengan tahap kebolehannya. ....	64
<b>TAJUK D: BERTANYA SOALAN MUDAH (ASKING SIMPLE QUESTIONS) .....</b> 65	
Matlamat 1: Pelajar boleh bertanya soalan mudah mengenai sesuatu (objek/ keperluan/ tindakan) sesuai dengan tahap kebolehannya. ....	65
<b>TAJUK E: BERGERITA SEMULA (RETELLING SIMPLE STORIES) .....</b> 66	
Matlamat 1: Pelajar boleh bercerita semula mengikut tahap kebolehannya. ....	66
<b>DOMAIN: MOTOR .....</b> 67	
<b>MOTOR KASAR .....</b> 68	
<b>TAJUK A: KEMAHIRAN MOTOR KASAR .....</b> 68	
Matlamat 1: Menggolek, membaling dan menangkap objek .....	68
Matlamat 2: Berjalan .....	69
Matlamat 3: Melompat .....	69
Matlamat 4: Berlari .....	70

<b>MOTOR HALUS.....</b>	<b>71</b>
<b>TAJUK A: MENCAPAI DAN MENGGENGHAM .....</b>	<b>71</b>
Matlamat 1: Mencapai objek .....	71
Matlamat 2: Menggenggam objek .....	71
Matlamat 3: Memegang objek bersaiz kecil .....	72
<b>TAJUK B: KOORDINASI PENGGUNAAN KEDUA-DUA BELAH TANGAN .....</b>	<b>73</b>
Matlamat 1: Manipulasi tangan .....	73
<b>TAJUK C: PEGANGAN PENSEL.....</b>	<b>74</b>
Matlamat 1: Pegangan Tripod .....	74
Matlamat 2: Menulis .....	74
 <b>DOMAIN: SOSIO EMOSI.....</b>	<b>75</b>
<b>TAJUK A: KEFAHAMAN MENGENAI DIRI SENDIRI DAN ORANG LAIN .....</b>	<b>76</b>
Matlamat 1: Mengenal maklumat mengenai dirinya dan orang terdekat .....	76
Matlamat 2: Mengenal barang peribadi .....	77
Matlamat 3: Mengenal keperluan fisiologi .....	77
Matlamat 4: Emosi sendiri .....	78
Matlamat 5: Emosi orang lain .....	78
Matlamat 6: Memberi tindak balas apabila objek disembunyikan atau diletakkan di dua tempat yang berlainan .....	79
Matlamat 7: Meneruskan pencarian objek tersembunyi yang tidak berada di tempat sepatutnya/ kebiasaan .....	79
<b>TAJUK B: BERINTERAKSI.....</b>	<b>80</b>
Matlamat 1: Memberi tindak balas apabila ditegur, disapa dan dipanggil nama .....	80
Matlamat 2: Memulakan interaksi kepada individu yang dikenali .....	80
Matlamat 3: Mengelakkan interaksi .....	81
Matlamat 4: Menunggu dan mengikut giliran .....	81
Matlamat 5: Meminta izin .....	82
Matlamat 6: Mengikuti norma sosial di sekolah .....	82
<b>TAJUK C: MENGAMBIL BAHAGIAN .....</b>	<b>83</b>
Matlamat 1: Melakukan aktiviti secara individu .....	83
Matlamat 2: Melibatkan diri dalam aktiviti secara kumpulan .....	84
Matlamat 3: Memberi tindak balas kepada permainan sorok-sorok ( <i>hide and seek</i> ) .....	84
 <b>DOMAIN: URUS DIRI .....</b>	<b>85</b>
<b>TAJUK A: ANGGOTA BADAN.....</b>	<b>86</b>
Matlamat 1: Mengenal anggota badan .....	86
<b>TAJUK B: KEBERSIHAN DIRI.....</b>	<b>87</b>
Matlamat 1: Mencuci tangan .....	87
Matlamat 2: Memberus gigi .....	87
Matlamat 3: Mencuci muka .....	88

<b>TAJUK C: PAKAIAN.....</b>	<b>89</b>
Matlamat 1: Mengenal pakaian.....	89
Matlamat 2: Membuka pakaian.....	89
Matlamat 3: Memakai pakaian .....	90
Matlamat 4: Membuka kasut.....	90
Matlamat 5: Memakai kasut .....	91
Matlamat 6: Membuka stoking .....	91
Matlamat 7: Memasang stoking .....	91
<b>TAJUK D: MAKAN DAN MINUM.....</b>	<b>92</b>
Matlamat 1: Makan .....	92
Matlamat 2: Penyediaan dan hidangan makanan.....	92
Matlamat 3: Membersihkan selepas makan.....	93
Matlamat 4: Minum .....	93
<b>PENILAIAN DAN EVALUASI.....</b>	<b>94</b>
<b>LAMPIRAN 1: SENARAI SEMAK KESEDEIAAN BELAJAR (SSKB).....</b>	<b>103</b>
<b>LAMPIRAN 2: PENILAIAN TINGKAH LAKU FUNGSIONAL .....</b>	<b>107</b>
<b>LAMPIRAN 3: RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU (RPI) .....</b>	<b>110</b>
<b>LAMPIRAN 4: REKOD ANEKDOT (ANECDOTAL RECORD) .....</b>	<b>116</b>
<b>LAMPIRAN 5: LAPORAN KEMAJUAN PELAJAR (LKP) INDIVIDU .....</b>	<b>117</b>
<b>LAMPIRAN 6: LAPORAN KEMAJUAN PELAJAR (LKP) MENYELURUH.....</b>	<b>120</b>
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>121</b>

# BUKU KURIKULUM PENDIDIKAN KHAS

RENDAH

